

MENINGKATKAN PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA JEPUN MENGGUNAKAN KAMUS BAHASA JEPUN KSSM-N5

Mohd 'Adlan Mohd Shariffuddin
SMK Bukit Sentosa
E-mail: g-81383682@moe-dl.edu.my

ABSTRAK

Kosa kata dalam subjek Bahasa Jepun adalah komponen penting yang perlu diingati oleh murid. Sungguhpun demikian, murid tidak mempunyai sumber lain pembelajaran bahasa Jepun melainkan buku teks sahaja. Justeru, kajian ini dilaksanakan melibatkan murid-murid yang mengambil subjek Bahasa Jepun di SMK Bukit Sentosa dari tingkatan 1 hingga 3 bagi meningkatkan kemahiran kosa kata murid dengan menggunakan Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5. Kamus ini dibina khas oleh pengkaji dengan menggunakan kosa kata yang diambil daripada DSKP Tingkatan 1 hingga 3, dan ditambah dengan kosa kata yang muncul di dalam buku teks Bahasa Jepun Menengah Rendah, serta kosa kata yang biasa muncul dalam peperiksaan Japanese Language Proficiency Test (JLPT) Level N5. Hasil kajian mendapati bahawa 66.67% murid (N=30) menyatakan bahawa mereka berasa sama ada gembira, senang atau teruja apabila memiliki kamus ini. 93.33% murid (N=43) bersetuju bahawa kamus ini telah membantu dalam pembelajaran Bahasa Jepun mereka, dan 88.89% murid (N=40) mengesyorkan murid lain untuk memiliki Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 ini. Dapatan kajian ini dapat digunakan oleh guru Bahasa Jepun lain dalam meningkatkan penggunaan kamus dalam kalangan murid mereka. Di samping itu, guru-guru yang mengajar subjek bahasa terutama bahasa asing juga dapat menggunakan dapatan kajian ini dalam meningkatkan penguasaan kosa kata murid dalam subjek masing-masing.

Kata Kunci : kosa kata, Bahasa Jepun, kamus, JLPT

1. Pengenalan

Kosa kata dalam subjek Bahasa Jepun adalah komponen penting yang perlu diingati oleh murid. Namun proses ini menjadi sukar disebabkan bahasa Jepun bukanlah bahasa yang dapat didengar mahupun dilihat di persekitaran hidup murid. Hal ini menjadikan murid yang mempelajari Bahasa Jepun di peringkat sekolah menengah bergantung sepenuhnya kepada buku teks dan guru yang mengajar untuk mendapatkan pengetahuan bahasa Jepun, termasuklah kosa kata.

Dengan menggunakan buku teks yang ada iaitu Bahasa Jepun Menengah Rendah, murid sekali lagi menghadapi masalah pembelajaran disebabkan bahagian kosa kata dalam buku teks yang terhad. Sebahagian kosa kata yang diperkenalkan pula, tidak diberikan maksud secara jelas, sebaliknya hanya menggunakan gambar. Ini menyebabkan sebahagian murid tidak dapat meneka apakah maksud bagi perkataan yang diperkenalkan. Selain itu, bahagian kosa kata dalam buku teks Bahasa Jepun Menengah Rendah hanya memperkenalkan sebahagian kecil sahaja kosa kata yang digunakan, berbanding keseluruhan perkataan yang digunakan dalam buku teks tersebut. Justeru, murid memerlukan satu sumber rujukan seperti kamus untuk mengetahui maksud perkataan yang dipelajari.

Menurut Knežević, Halupka-Rešetar, Miškeljin, & Milić (2021), kamus biasanya dikaitkan sebagai alat primer dalam membantu manusia mempelajari bahasa disebabkan ia memberikan pelbagai maklumat berguna, justeru ia menjadi alat penting bagi pelajar bahasa asing. Walaupun ada banyak kamus bahasa Jepun yang ada dijual di pasaran, kamus itu sama ada terlalu mahal, atau mengandungi entri yang tidak berkaitan dengan aras pembelajaran murid di peringkat permulaan. Pemilihan kamus biasanya tidak menjadi keutamaan guru bahasa disebabkan masalah dalam pemilihan kamus terbaik untuk murid, justeru menyebabkan murid terpaksa memilih sendiri kamus untuk dibeli (Baxter, 1980). Masalah pemilihan kamus ini disebabkan, jurang kosa kata yang sangat berbeza antara pengguna mahir bahasa Jepun, dengan murid sekolah yang merupakan pemula dalam bahasa Jepun.

Menurut Japanese Online Institute (2023), terdapat 821 kosa kata dan 103 kanji yang perlu untuk peperiksaan Japanese Language Proficiency Test (JLPT) bagi Level N5. Jumlah ini hampir setara dengan jumlah kosa kata yang diberikan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Jepun KSSM iaitu sebanyak 895 kosa kata. Walau bagaimanapun, kamus bahasa Jepun yang terdapat di pasaran, contohnya Mini Japanese Dictionary yang diterbitkan oleh Tuttle Publishing, mengandungi lebih 13000 kosa kata, manakala Collins Japanese Dictionary Essential Edition pula mengandungi lebih 27000 terjemahan. Jumlah ini terlalu besar untuk murid-murid yang mengambil subjek Bahasa Jepun di sekolah menengah di Malaysia. Secara tidak langsung, ini menyebabkan wujudnya keperluan terhadap sebuah kamus khas yang dapat memenuhi keperluan murid sekolah menengah yang mengandungi entri yang mencakupi kosa kata yang digunakan di dalam buku teks, serta yang berkaitan dengan tajuk-tajuk pembelajaran mereka.

Menurut Nation, & Newton (1997), guru terpaksa menentukan sama ada sesuatu kosa kata itu berbaloi untuk diajar atau tidak, khususnya apabila ia berfrekuensi rendah dan kurang berguna untuk murid dalam pembelajaran mereka. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kamus yang mengandungi begitu banyak perkataan, mungkin tidak berguna bagi murid permulaan, kerana mereka tidak akan bertemu atau menggunakan perkataan tersebut. Justeru, satu kamus yang bersesuaian dengan keperluan murid yang mempelajari Bahasa Jepun di sekolah menengah adalah sangat diperlukan.

2. Refleksi pengajaran dan pembelajaran

Apabila pengkaji sedang mengajar subjek Bahasa Jepun di dalam kelas, ketika sesi membaca teks yang terdapat dalam buku teks iaitu Bahasa Jepun Menengah Rendah, pengkaji beberapa kali bertanya kepada murid tentang maksud kosa kata yang dibaca. Namun, seringkali pengkaji berhadapan dengan situasi di mana murid tidak dapat menyebut secara spontan maksud kosa kata tersebut. Seterusnya, apabila pengkaji meminta murid mencari di dalam buku, pengkaji mendapati bahawa murid akan membelek-belek buku teks dari hadapan ke belakang dan ke hadapan semula, tanpa sebarang idea di mana perkataan itu berada, iaitu di bab berapa, atau di halaman berapa. Begitu juga apabila pengkaji menyebutkan satu ayat secara spontan semasa sesi pengajaran, murid kelihatan terkial-kial apabila ditanya maksud kosa kata di dalam ayat tersebut. Apabila disuruh mencari maksud perkataan tersebut, murid mengambil masa yang sangat lama untuk mencari di dalam buku teks atau nota mereka. Hal ini menyebabkan pengkaji menyedari bahawa murid menghadapi masalah dalam mengingat kosa kata, atau mencari maksud kosa kata dalam bahasa Jepun. Tidak mengetahui maksud kosa kata menyebabkan murid tidak dapat memahami teks yang dibaca, atau ayat bahasa Jepun yang didengar, sekali gus menyebabkan murid tidak dapat memberikan respons terhadap pengajaran guru di dalam kelas, sama ada apabila ditanya soalan, atau diminta menterjemah ayat tersebut. Murid juga tidak dapat membuat ayat menggunakan kosa kata yang tidak difahami, sama ada secara bertulis atau secara lisan. Lebih teruk, tidak memahami kosa kata bahasa Jepun boleh menyebabkan murid kehilangan minat dalam pembelajaran subjek Bahasa Jepun, serta kehilangan motivasi untuk meneruskan pembelajaran Bahasa Jepun.

3. Objektif kajian

a) Objektif Umum:

Meningkatkan penguasaan kosa kata Bahasa Jepun dalam kalangan murid yang mempelajari subjek Bahasa Jepun di SMK Bukit Sentosa.

b) Objektif Khusus:

1. Meningkatkan pengetahuan kosa kata Bahasa Jepun dalam kalangan murid.
2. Memperkenalkan Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 sebagai alat untuk meningkatkan pengetahuan kosa kata Bahasa Jepun dalam kalangan murid.
3. Menilai keberkesanan penggunaan Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 dalam meningkatkan penguasaan kosa kata Bahasa Jepun.

4. Pelaksanaan kajian

Kajian tindakan ini dimulakan pada awal sesi persekolahan tahun 2023/ 2024 melibatkan murid-murid yang mengambil subjek Bahasa Jepun di SMK Bukit Sentosa, Rawang, Selangor. Pada mulanya, kajian ini melibatkan semua murid yang mengambil subjek Bahasa Jepun dari tingkatan 1, 2 dan 3. Walau bagaimanapun, disebabkan kekangan kehadiran murid yang berubah-ubah, bilangan murid yang diambil sebagai sampel hanyalah seramai 45 orang murid sahaja. Kajian dimulakan dengan guru mengedarkan Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 yang dihasilkan oleh pengkaji. Murid dikenakan sedikit bayaran kos penghasilan sebanyak RM 12 yang meliputi kos fotostat dan penjilidan. Murid tidak dipaksa untuk membeli kamus ini, malah pengkaji turut mengedarkan versi PDF melalui Google Classroom kelas Bahasa Jepun bagi murid yang mahu mencetak sendiri Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 tersebut. Seterusnya, dalam penggal 1 dan 2 sesi persekolahan tahun 2023/ 2024, pengkaji mengajar murid tentang penggunaan kamus tersebut sambil murid menggunakan kamus bercetak yang diedarkan, sementara pengkaji memaparkan kamus tersebut melalui TV Pintar di dalam kelas.

5. Metodologi kajian

Kajian ini dilaksanakan menggunakan beberapa metodologi kajian melibatkan sesi pemerhatian oleh guru, sesi intervensi untuk memperkenalkan Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 dan penggunaannya, penulisan refleksi oleh murid diikuti oleh sesi perkongsian pengalaman oleh murid.

a) Pemerhatian

Kaedah pemerhatian digunakan bagi melihat bagaimana respons dan tindakan murid apabila pengkaji meminta murid menyebut maksud beberapa perkataan yang dibaca di dalam petikan yang ada di dalam buku teks Bahasa Jepun Menengah Rendah.

b) Sesi intervensi

Pengkaji telah memperkenalkan Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 kepada murid Bahasa Jepun di dalam kelas, dan menawarkan kepada murid untuk memiliki kamus tersebut dengan sedikit bayaran kos sebanyak RM 12 meliputi kos percetakan dan penjilidan. Murid yang bersetuju dengan bayaran tersebut diberikan satu naskhah Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5, manakala murid yang tidak bersetuju tidak dipaksa untuk membeli kamus tersebut. Seterusnya, murid diperkenalkan dengan kaedah penggunaan Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 secara bersiri dan berkala.

Secara am, murid diminta menggunakan Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 sebagai bahan bacaan untuk meningkatkan ingatan murid terhadap huruf Jepun, kerana kamus ini disusun mengikut huruf Jepun dari huruf (あ) /a/, (い) /i/, (う) /u/, (え) /e/, (お) /o/ dan seterusnya. Justeru, murid diminta untuk membaca Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 ini bermula dari entri pertama hingga entri terakhir. Semasa membaca, murid diminta menulis ejaan entri tersebut sama ada dalam hiragana atau katakana, dengan menggunakan belakang pensel, atau secara menulis dengan menggunakan jari. Bagi perkataan yang diberikan huruf kanji, murid diminta untuk menulis huruf kanji tersebut, walaupun

belum belajar cara menulis kanji tersebut. Murid juga diminta peka dengan kelas kata bagi setiap entri contohnya kelas kata seperti KN Tempat, dan ditunjukkan bagaimana murid boleh menggunakan perkataan yang sama kelas kata untuk menghasilkan ayat baharu.

c) Penulisan refleksi

Murid diminta untuk menulis refleksi mereka apabila mereka memiliki Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5. Beberapa soalan utama diberikan untuk dijawab oleh murid seperti:

1. Apakah perasaan anda apabila memiliki Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 ini?
2. Adakah kamus ini membantu anda dalam pembelajaran Bahasa Jepun?
3. Bagaimana ia membantu anda?
4. Bagaimanakah anda menggunakan kamus ini?
5. Adakah anda mengesyorkan murid Bahasa Jepun lain untuk memiliki kamus seperti ini?
6. Jelaskan mengapa anda mengesyorkan sedemikian?

Sesi penulisan refleksi ini dilaksanakan beberapa kali di sepanjang penggal 1 dan 2 sesi persekolahan tahun 2023/ 2024. Murid diberikan kertas, dan diminta menjawab soalan-soalan yang diberikan semasa sesi pengajaran.

d) Sesi perkongsian pengalaman

Selain daripada sesi penulisan refleksi, murid juga diminta untuk berkongsi pengalaman mereka secara lisan, berkaitan perasaan mereka apabila memiliki Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5, serta pengalaman mereka menggunakan kamus tersebut. Sesi perkongsian pengalaman ini dilaksanakan beberapa kali secara terbuka di dalam kelas, dan secara tertutup dengan beberapa orang murid.

6. Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5

Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 ialah sebuah kamus yang dibina oleh pengkaji berdasarkan DSKP Bahasa Jepun Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Edisi pertama tahun 2023 mengandungi 1537 entri melibatkan kata nama, kata kerja, kata hubung, serta ucapan harian, manakala edisi kedua tahun 2024 mengandungi 1620 entri. Terdapat sebanyak 895 entri telah diberikan di dalam DSKP Bahasa Jepun termasuklah beberapa ucapan yang sering dituturkan. Entri daripada DSKP yang berganda dikembangkan agar setiap entri hanya mempunyai satu kosa kata atau ucapan sahaja. Seterusnya, entri daripada kosa kata JLPT N5 ditambah ke dalam Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 ini. Kosa kata JLPT N5 ini diambil daripada beberapa laman web yang menyenaraikan senarai kosa kata yang perlu dipelajari bagi level N5. Beberapa laman web digunakan bagi mendapatkan senarai kosa kata yang bertindan. Untuk kosa kata yang unik atau hanya muncul dalam satu laman web sahaja, ia akan ditapis mengikut kesesuaian penggunaan murid. Proses ini memerlukan semakan satu persatu entri, bagi memastikan tiada ulangan yang tidak relevan. Seterusnya, entri daripada korpus buku teks Bahasa Jepun Menengah Rendah (BJMR) dimasukkan ke dalam Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5. Entri daripada korpus BJMR ini merupakan semua kosa kata yang ada dan digunakan dalam buku teks Bahasa Jepun Menengah Rendah. Entri ini dimasukkan bagi membolehkan murid merujuk setiap kosa kata yang mereka jumpai dalam buku teks tersebut. Setelah itu, sekali lagi semakan dibuat satu persatu untuk mengelakkan pengulangan. Setelah senarai semua entri telah dikumpulkan dan dimuktamadkan, kelas kata bagi setiap entri ditambah, diikuti dengan penambahan maksud bagi bahasa Melayu. Maksud dalam bahasa Inggeris diambil daripada DSKP dan disemak dengan beberapa buah e-kamus seperti jisho.org dan imiwa?. Entri yang melibatkan kata kerja dikembangkan supaya ia menjadi konjugasi bentuk trio る-ます-て (bentuk RU-MASU-TE). Konjugasi bentuk trio ini melibatkan tiga bentuk asas kata kerja yang perlu dikuasai oleh murid, dan penguasaan ketiga-tiga bentuk trio ini akan membolehkan murid menguasai hampir semua bentuk konjugasi kata kerja

dalam bahasa Jepun. Seterusnya, setiap perkataan yang mempunyai kanji diberikan bentuk kanji, bagi meningkatkan pengetahuan kanji murid yang berminat dengan kanji. Secara fizikal, Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 ini dicetak di atas kertas bersaiz A4. Ia mengandungi 80 halaman, justeru ia menggunakan 40 helai kertas A4 70 gsm. Di bahagian hadapan, terdapat kulit kamus yang juga dicetak di atas kertas A4 70 gsm. Seterusnya, di hadapan dan di belakang kamus ini diletakkan plastik, serta dijilidkan menggunakan jilid gegelung di bahagian tepi. Hal ini menjadikan Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 ini ringan, mudah dibawa dan selamat daripada tempias air hujan.

7. Dapatan kajian

Daripada penulisan refleksi murid, beberapa kata kunci utama positif diperolehi, seperti gembira, “happy”, senang, dan teruja. Jadual 1 di bawah menunjukkan bilangan dan peratus murid yang menyatakan perasaan mereka menggunakan kata kunci positif apabila mereka memiliki Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5.

Jadual 1: Perasaan murid apabila memiliki Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5

Bil	Perasaan	Bilangan	Peratus
1.	Gembira, “happy”	18	40.00
2.	Senang	7	15.56
3.	Teruja	5	11.11
JUMLAH		30	66.67

Hasil kajian melalui soal-selidik mendapati bahawa daripada 45 orang responden yang terlibat, seramai 30 murid (66.67%) menyatakan bahawa mereka mempunyai perasaan yang positif apabila memiliki Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 ini. Seramai 18 murid (40.00%) menyatakan bahawa mereka berasa gembira (termasuk yang menggunakan kata kunci “happy”), 7 murid (15.56%) berasa kamus ini dapat memudahkan pembelajaran mereka kerana kini mereka senang untuk menghafal perkataan dan mencari maksud, manakala seramai 5 murid (11.11%) berasa teruja apabila memiliki Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 ini.

Dapatan ini memberikan satu input positif bahawa murid memang memerlukan sebuah kamus untuk pembelajaran bahasa Jepun. Lebih-lebih lagi, apabila murid mendapati bahawa Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 ialah kamus yang dekat dengan mereka, iaitu ia mengandungi perkataan yang terdapat di dalam buku teks, serta sesuai dengan peperiksaan Japanese Language Proficiency Test (JLPT) Level N5. Justeru, murid boleh menumpukan perhatian mereka terhadap kosa kata yang berkaitan dengan sukatan pelajaran sahaja, tanpa perlu memberikan tumpuan lebih terhadap kosa kata yang lebih tinggi di luar sukatan.

Dari segi membantu pembelajaran Bahasa Jepun, seramai 43 murid (93.33%) menyatakan bahawa Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 ini membantu mereka. Antara refleksi yang ditulis oleh murid adalah seperti berikut:

“...sangat membantu dalam pembelajaran. Jika ada perkataan yang tidak tahu, boleh rujuk kamus” [murid 04]

“ia sangat membantu. Apabila ada perkataan yang saya tidak fahami, saya boleh merujuk kamus tersebut” [murid 37]

Dapatan ini bersesuaian dengan keadaan murid Bahasa Jepun yang hanya bergantung kepada buku teks sahaja untuk pembelajaran mereka. Apabila murid membuka buku teks dan membaca teks di dalam buku teks, mereka boleh merujuk perkataan yang tidak diketahui maksudnya di dalam Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 yang mengkhususkan kepada perkataan yang digunakan di dalam buku teks, di samping perkataan yang disyorkan dalam DSKP Bahasa Jepun serta kosa kata JLPT Level N5. Disebabkan murid tidak mempunyai bahan bacaan lain, Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 ini adalah bersesuaian dengan mereka.

Walau bagaimanapun, jika murid turut membaca bahan lain, contohnya manga atau komik Jepun, mereka boleh membezakan sama ada perkataan tersebut penting atau tidak dengan memastikan bahawa perkataan yang ada di dalam Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 adalah perkataan penting. Perkataan yang tidak ada di dalam kamus ini pula adalah perkataan yang kurang penting kerana berada di luar sukatan pelajaran. Untuk maksud bagi perkataan di luar Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5, pengkaji turut berkongsi laman web kamus seperti jisho.org yang dapat digunakan secara percuma.

Apabila murid ditanya tentang cara bagaimana mereka menggunakan Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat kepelbagaian cara penggunaan oleh murid. Antara yang menarik ialah seperti yang ditulis oleh dua murid berikut:

“Apabila saya belajar, saya akan letakkan kamus itu di atas meja saya untuk merujuk kamus tersebut apabila menemui perkataan yang saya tidak fahami” [murid 37]

“Setiap hari, saya tulis dua atau tiga perkataan sebanyak 80 kali” [murid 38]

Dapatan daripada murid 38 ini menunjukkan satu ciri yang berbeza dalam penggunaan Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 ini. Seharusnya, murid membaca satu bahan, contohnya buku teks, dan apabila tidak mengetahui maksud satu-satu perkataan, barulah murid itu membuka kamus, seperti yang dinyatakan oleh murid 37. Namun, murid 38 ini menunjukkan ciri pembelajaran kosa kata yang berbeza dengan Gu (2003) yang menyebut bahawa pembelajaran kosa kata bertujuan untuk mengingat perkataan dan mampu menggunakan perkataan itu dalam pelbagai konteks. Trend pembelajaran murid 37 ini sebenarnya merupakan satu cara mendedahkan diri dengan perkataan sebagai pembelajaran pertama (*first encounter*) bagi membina satu skema dalam minda mereka. Menurut Horst, Cobb, & Meara (1998), disebabkan pelajar bahasa kedua mempunyai masa yang terhad untuk pemerolehan bahasa, pengembangan kosa kata perlu dilaksanakan dengan lebih pantas, justeru pelajar bahasa perlu menggunakan strategi untuk mempelajari kosa kata yang berfrekuensi tinggi. Dalam kes Bahasa Jepun di sekolah menengah, murid boleh menggunakan strategi mempelajari perkataan yang muncul di dalam buku teks dengan menggunakan Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5.

Seramai 40 murid (88.89%) mengesyorkan murid lain yang mengambil subjek Bahasa Jepun untuk memiliki Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 ini. Antara penjelasan yang diberikan oleh murid adalah seperti berikut:

“...kerana kamus BJ ini sangat membantu dalam pembelajaran dan memudahkan pelajar” [murid 04].

“...Namun, saya mengesyorkan untuk memiliki kamus seperti ini, kerana ia memberikan impak yang memuaskan ketika mengetahui maksud satu perkataan secara sendiri menggunakan kamus yang dimiliki.” [murid 35]

Dapatan ini juga menunjukkan bahawa murid menjadi puas apabila mereka dapat mengetahui maksud satu-satu perkataan yang digunakan di dalam buku teks. Proses mencari makna secara sendiri dapat memberikan murid satu kepuasan, berbanding apabila mereka hanya mendapat makna perkataan daripada guru yang mengajar sahaja.

Melalui pemerhatian pengkaji, terdapat perbezaan apabila murid ditanya tentang maksud bagi sesuatu perkataan. Sebelum penggunaan Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5, murid didapati mengalami kesukaran untuk mencari maksud, kerana tidak tahu kosa kata yang dicari itu berada di bab mana dan di bahagian mana dalam bab. Hal ini berbeza selepas penggunaan Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5, murid terus tahu tempat untuk mencari maksud dengan terus membuka kamus tersebut. Tempoh mencari maksud juga menjadi lebih singkat, di samping murid mendapat maksud yang konkrit dan jelas, berbanding terpaksa meneka maksud berpandukan gambar yang diberikan di dalam buku teks.

Dapatan pemerhatian ini dapat dijelaskan dengan analogi, jika murid tidak tahu maksud sesuatu kosa kata yang telah dipelajari, bagaimana mereka boleh tahu di mana kosa kata itu muncul? Justeru, penyusunan Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 memudahkan murid mencari maksud dengan terus mencari kosa kata di bawah entri huruf pertama perkataan tersebut.

Semasa sesi perkongsian pengalaman, apabila murid ditanya sama ada Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 berguna atau tidak, seorang murid secara spontan menjawab, “*Berguna gila kot...*” yang menunjukkan bahawa kamus ini sangat berguna kepada murid itu. Dapatan ini dengan jelas menunjukkan penghargaan murid tersebut kepada Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 ini, yang sangat berguna dalam pembelajaran subjek Bahasa Jepun. Hal ini disebabkan ciri-ciri kamus ini yang menjadikannya berguna kepada murid.

8. Rumusan

Secara kesimpulan, penggunaan Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 ini mempunyai beberapa kelebihan kepada murid seperti penyusunan entri yang menggunakan urutan huruf hiragana, pemberian maksud dalam bahasa Melayu dan Inggeris, pelabelan kosa kata secara spesifik dan konjugasi trio kata kerja.

a) Menggunakan urutan huruf hiragana

Penggunaan urutan huruf hiragana membantu murid mempelajari huruf hiragana dengan lebih pantas. Apabila murid membaca sesuatu entri, murid dapat membaca huruf pertama bagi entri sebelum dan selepasnya disebabkan huruf hiragana yang sama.

Rajah 1: Contoh entri dalam Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5

497	こうえん	公園	<i>KN Tempat</i>	park	taman awam
498	こうこう	高校	<i>KN Tempat</i>	high school	sekolah menengah atas
499	こうこうせい い	高校生	<i>KN Pekerjaan</i>	high school students	murid sekolah menengah atas

Contohnya, tiga entri yang diberikan dalam Rajah 1 di atas, ketiga-tiganya bermula dengan huruf hiragana yang sama iaitu (こ) /ko/. Justeru, apabila murid membaca entri 497 **kouen**, murid sudah

dapat membaca dua huruf hiragana yang sama dalam entri 498 **koukou**. Seterusnya, murid dalam membaca empat huruf hiragana yang berulang dalam entri 499 **koukousei**.

Dengan penyusunan mengikut huruf hiragana ini, secara tidak langsung ia dapat membantu murid mempelajari huruf hiragana, sama ada secara membaca, atau menulis, jika murid membaca atau menulis entri yang ada secara berturut-turut.

b) Pemberian maksud dalam bahasa Melayu dan Inggeris

Kebanyakan kamus bahasa Jepun di pasaran menggunakan bahasa Inggeris. Hal ini menyukarkan murid kerana mereka terpaksa menterjemah dari bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu untuk memahami sesuatu maksud. Lebih teruk apabila perkataan bahasa Inggeris itu adalah perkataan yang sukar, menyebabkan murid tidak dapat memahami makna kosa kata secara terus. Justeru, apabila Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 ini memberi maksud dalam bahasa Melayu dan Inggeris, murid dapat memahami maksud sesuatu kosa kata dengan jelas. Hal ini selaras dengan saranan Nation (2003) yang menyatakan bahawa bahasa ibunda merupakan kaedah yang efektif dan pantas bagi mendapat maksud bagi sesuatu perkataan. Hal ini juga disokong oleh pandangan Sunakawa, Lee, & Takahara (2012) yang menyatakan bahawa alat berguna untuk pembelajaran bahasa Jepun ialah kamus dwibahasa termasuk bahasa ibunda pelajar. Justeru, pemberian maksud dalam bahasa Melayu dalam Kamus Bahasa Jepun KSSM- N5 ialah tindakan yang tepat, dan penambahan bahasa Inggeris ialah satu bonus bagi pelajar.

c) Pelabelan kosa kata secara spesifik

Pelabelan kosa kata yang lebih spesifik berbanding kamus biasa merupakan suatu tambah nilai bagi Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5. Jika kamus biasa hanya melabel sesuatu entri sebagai *kata nama* sahaja, Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 melabel kata nama dengan label *KN Alam*, *KN Alat Muzik*, *KN Alatulis*, *KN Arah*, *KN Bahasa* dan seterusnya.

Pelabelan spesifik ini membolehkan murid menukar ganti sesuatu kosa kata dalam ayat dengan kosa kata yang mempunyai label yang sama. Contohnya:

Jadual 2: Contoh ayat yang menggunakan kosa kata. KN= Kata Nama, KK=Kata Kerja.

Ayat 1:	いちご	を	たべます。
Sebutan:	ichigo	wo	tabemasu.
Label:	KN Buah	Kata Hubung	KK K2E
Maksud kata:	strawberi	-	makan.
Maksud ayat:	Saya makan strawberi.		

Dalam ayat di atas, murid boleh menukar perkataan (いちご) ichigo kepada kosa kata lain yang mempunyai label yang sama iaitu KN Buah. Justeru, hal ini membolehkan murid mengembangkan kemahiran bahasa mereka dengan menukar satu kosa kata dalam ayat yang mereka sudah pelajari.

d) Konjugasi trio kata kerja

Konjugasi trio kata kerja yang diberikan dalam Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 memudahkan murid mempelajari kata kerja dalam pelbagai bentuk yang ada. Contohnya dalam Bab 8 buku teks (Bab 3 untuk tingkatan 2), murid mempelajari bentuk (て) /te/ bagi sesuatu kata kerja. Dalam Bab 13 pula (Bab 3 untuk tingkatan 3), murid mempelajari bentuk (る) /ru/ bagi kata kerja. Justeru, entri dalam Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 ini memudahkan murid mengulang kaji perubahan bentuk-bentuk ini.

9. Impak Kajian

Dapatan kajian ini dapat digunakan guru Bahasa Jepun lain dalam meningkatkan penggunaan kamus dalam kalangan murid mereka. Sama ada guru Bahasa Jepun lain menggunakan Kamus Bahasa Jepun KSSM-N5 yang dihasilkan oleh pengkaji, atau mereka menghasilkan sendiri kamus yang hampir setara yang memenuhi keperluan murid-murid mereka. Di samping itu, guru-guru yang mengajar subjek bahasa terutama bahasa asing juga dapat menggunakan dapatan kajian ini dalam meningkatkan penguasaan kosa kasa murid dalam subjek masing-masing khususnya dalam penggunaan kamus yang sesuai.

10. Rujukan

- Baxter, J. (1980). The dictionary and vocabulary behavior: A single word or a handful?. *Tesol Quarterly*, 325-336.
- Gu, P. Y. (2003). Vocabulary learning in a second language: Person, task, context and strategies. *Tesol-Ej*, 7(2), 1-25.
- Horst, M., Cobb, T., & Meara, P. (1998). Beyond a clockwork orange: Acquiring second language vocabulary through reading.
- Japanese Online Institute. (2023). JLPT N5 Kanji And Vocabulary List. <https://www.japonin.com/jlpt-n5-present.html>
- Knežević, L., Halupka-Rešetar, S., Miškeljin, I., & Milić, M. (2021). Millennials as dictionary users: A study of dictionary use habits of Serbian EFL students. *SAGE Open*, 11(2), 21582440211008422.
- Nation, P., & Newton, J. (1997). Teaching vocabulary. *Second language vocabulary acquisition: A rationale for pedagogy*, 238.
- Nation, P. (2003). The role of the first language in foreign language learning.
- Sunakawa, Y., Lee, J. H., & Takahara, M. (2012). The construction of a database to support the compilation of Japanese learners' dictionaries. *Acta Linguistica Asiatica*, 2(2), 97-115.